

Usaha jejak pusara ambil masa bertahun

"HATI saya tiba-tiba menjadi sebak, sedih, bercampur baur...gembira, pilu serta terharu dan langsung menitikkan air mata sebaik melihat batu nisan itu tertera nama Ngah Ibrahim.

"Sebelum menemui nisan ini, kumpulan saya sudah membuat keputusan menangguhkan pencarian dan merancang pulang ke Johor Bharu, selepas keletihan sehari suntuk berada di tanah perkuburan Al Junid di Singapura bagi mencari pusara, Pahlawan Melayu, Allahyarham Tengku Menteri, Ngah Ibrahim Long Jaafar yang meninggal dunia pada 4 Februari 1895.

"Ketika kami membuat keputusan untuk pulang, hati saya masih yakin dan terdetik bahawa pusara Ngah Ibrahim ada di situ (di Makam Al Junid)," cerita Orang Besar Jajahan (OBJ) Larut Matang

dan Selama Taiping, Tengku Menteri Datuk Dr Wan Mohd Isa Wan Ahmad ketika ditemui Berita Minggu, baru-baru ini.

Wan Mohd Isa, 61, adalah piut dan keturunan Ngah Ibrahim yang mewarisi gelaran Orang Kaya Menteri Paduka Tuan bagi Jajahan Larut Matang dan Selama Taiping yang kelapan.

"Ketika itu, semua ahli kumpulan kami seramai empat orang sudah kembali ke kenderaan bersiap untuk pulang, tetapi saya masih berada di tanah perkuburan itu yang terletak berhampiran jalan besar.

"Dalam perjalanan ke kenderaan, saya masih yakin dapat menemui pusara itu dan berulang kali berkata mesti ada... mesti ada.

"Tiba-tiba hati saya bergetar dan saya tidak terus berjalan ke kenderaan, sebaliknya tergerak untuk ke kanan dan

"Di batu nisan terdapat perkataan 'Orang Kaya' dan 'Menteri Ibrahim bin Jaafar Larut', manakala di bawah sekali ada ukiran gambar sekuntum bunga"

Wan Mohd Isa
Orang Besar Jajahan (OBJ) Larut Matang dan Selama, Taiping

ketika melalui satu pusara saya hampir terjatuh dan terlihat satu nisan yang sudah patah berhampirannya," katanya.

Beliau berkata, penemuan batu nisan dan pusara Ngah Ibrahim itu berlaku pada 4 Ogos 2004 jam 3.45 petang yang mencatat satu sejarah negara yang tidak ternilai.

Kumpulan itu, disertai empat orang selain beliau, Prof Dr Othman Mohd Yatim, Kamaruddin Zakaria dan Krishnan Odeyappan (pemandu Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara).

"Saya segera memanggil rakan yang lain untuk melihat batu nisan berkenaan dan selepas dicuci dan dibersihkan jelas ia adalah milik Ngah Ibrahim," katanya yang berasa amat lega dan gembira dengan penemuan itu.

"Selepas batu itu dicuci kami dapati memang sahlah batu nisan inilah yang kami cari.

"Pada badan batu itu terukir perkataan ~'Sanat' dan ada tahunnya tetapi tidak jelas, yang jelas dua huruf Arab iaitu satu dan tiga saja," katanya.

Katanya, kedua-dua batu nisan itu sudah patah dan jatuh berhampiran pusara berkenaan dan sukar dilihat kerana terbenam dalam tanah dan dilindungi semak samun.

Beliau mengakui sememangnya sukar untuk mengesan pusara di kawasan tanah perkuburan Al Junid kerana ada beribu kubur lama di kawasan berkenaan yang agak luas.

Katanya, usaha mencari pusara Ngah Ibrahim sebelum ini, pernah dilakukan oleh bapanya, OBJ Larut Matang dan Selama Taiping, Datuk Seri Wan Ahmad Rasdi sekitar awal 1990-an, tetapi gagal.

Berdasarkan fakta sejarah, Ngah Ibrahim dikebumikan di tanah perkuburan Al Junid di Singapura pada 1895 pada usia 59 tahun, selepas dibuang oleh Penjajah Inggeris ke Pulau Seychelles di Lautan Hindi pada 1877.

Ngah Ibrahim adalah pembesar Melayu terkaya abad ke-19 hasil perlombongan bijih timah di Larut dibuang negeri bersama Almarhum Sultan Abdullah dan mentuanya Laksamana, Muhammad Amin Alang Duakap dan

Datuk Syahbandar selepas dikatakan terbabit dengan pembunuhan Residen Inggeris pertama di Perak, JWW Birch pada 1875.

Sejak itu, lokasi sebenar pusaranya tidak pernah diketahui umum, walaupun waris terdekat cuba mengesannya lebih 109 tahun lalu.

"Tetapi dengan kuasa Allah SWT, akhirnya saya menemui kubur Ngah Ibrahim selepas pencarian selama bertahun-tahun," kata Wan Mohd Isa yang sebelum ini turut berhasrat untuk mencari pusara Ngah Ibrahim di Pulau Seychelles.

Bagaimanapun, niat berkenaan, tidak diteruskan kerana kekurangan maklumat serta bukti menunjukkan Ngah Ibrahim dikebumikan di satu daripada pulau terpencil berhampiran Pulau Seychelles, apatah lagi ia membabitkan kos yang besar.

Wan Mohd Isa adalah orang yang bertanggungjawab membawa pulang jasad Ngah Ibrahim ke Perak untuk dikebumikan di Kompleks Muzium Sejarah Matang di Taiping pada 9 September lalu.

Menceritakan bagaimana pusara Ngah Ibrahim ditemui, Wan Mohd Isa, berkata, usaha itu bermula sebaik beliau dilantik sebagai OBJ.

Sejak dilantik menjadi OBJ, katanya, beliau bertekad untuk memulakan pencarian dan bermula dari itu kumpulan pertama dibentuk bagi mencari pusara Ngah Ibrahim di perkuburan yang sama pada 28 dan 29 Jun 2004 tetapi tidak berhasil.

Katanya, berikutan itu, kumpulan kedua ditubuhkan dan berjaya menemui pusara itu pada 4 Ogos 2004.

Beliau berkata, kejayaan penemuan itu banyak berpandu kepada tesis seorang pelajar Universiti Malaya (UM) yang ditulis oleh Wee Choon Siang pada 1952 yang bertajuk "Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874".

"Berdasarkan gambar batu nisan yang ada dalam tesis itulah kami memulakan pencarian," katanya yang berhasrat bertemu dengan Wee selepas Aidilfitri ini yang kini berusia kira-kira 80 tahun dan tinggal di Bangkok, Thailand bagi mengucapkan terima kasih atas kejayaan penemuan itu.